

P-raya: UMNO bincang isu penyelewengan

KUALA LUMPUR, Jumaat — Majlis Tertinggi UMNO yang bermesyuarat esok dijangka membincangkan tiga perkara penting termasuk penyelewengan ahli-ahli UMNO dalam pilihanraya lalu.

Setiasaha Agung UMNO Malaysia, Senator Datuk Haji Mustaffa Jabar berkata hari ini, mesyuarat itu adalah yang pertama kali sejak pilihanraya lalu dan akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO.

Turut hadir ialah Pengarah-pengarah Pilihanraya Negeri (kebanyakannya ahli Majlis Tertinggi) yang akan membentangkan laporan

pilihanraya di negeri masing-masing.

Laporan dari beberapa Bahagian UMNO mengenai penyelewengan ahli-ahlinya yang menentang calon Barisan Nasional dalam pilihanraya, 22 April lalu juga dibincangkan.

Diumum

Jawatan Ketua Pengerangan UMNO juga mungkin diumumkan dalam mesyuarat esok bagi menggantikan Allahyarham Datuk Haji Embong Yahya.

Senator Datuk Haji Mustaffa berkata, mesyuarat kali ini akan diadakan jam 10.30 pagi, lewat sedikit dari biasa kerana Datuk Seri Dr. Mahathir menghadiri perayaan Hari Belia di sebelah paginya.

Datuk Musa Hitam selaku Timbalan Presiden UMNO tidak akan hadir kerana beliau kini berada di luar negeri, katanya lagi.

Beberapa perkara lain yang turut dibincangkan ialah mengenai Perhimpunan Agung UMNO yang diadakan pada 10 hingga 12 September depan.

Adalah dijangka pengerusi baru Jawatankuasa Pemilihan Exco Pemuda dan Wanita dalam perhimpunan agung akan diumumkan bagi menggantikan Allahyarham Tan Sri Syed Nasir Ismail yang meninggal dunia, Mac lalu.

Tan Sri Abdul Kadir Yusoff, bekas Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah disebut-sebut menggantikan tempat

Allahyarham berdasarkan pengalaman dan ketokohan beliau dalam UMNO.

Encik Ghaffar Baba selaku Pengerusi Jawatankuasa Penapis Usul akan dikekalkan untuk perhimpunan, September depan.

Senator Datuk Haji Mustaffa juga berkata, sehingga kini, lapan dari 114 Bahagian UMNO telah menghantar laporan masing-masing mengenai ahli-ahlinya yang menyeleweng dan menentang calon BN dalam pilihanraya lalu.

"UMNO tidak meminta semua bahagian menghantar laporannya, kerana tidak semua Bahagian terdapat ahli-ahli yang menyeleweng," katanya lagi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia